

09 JAN 1999

Abdullah-Reaksi

PELANTIKAN ABDULLAH SEBAGAI TPM TERUS DAPAT SOKONGAN

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri akan mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap UMNO dan kepimpinan negara di bawah Barisan Nasional, kata Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Leo Moggie.

Beliau berkata sebagai seorang tokoh politik dan pemimpin negara yang berwibawa dan berpengalaman, pelantikan Abdullah merupakan suatu keputusan yang tepat lagi wajar bagi menjawab segala keraguan dan ketidakpastian mengenai kekosongan jawatan itu.

Moggie, yang juga Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia berkata susunan baru kabinet yang diumumkan Dr Mahathir semalam akan mengukuhkan lagi kewibawaan negara dan keyakinan rakyat dalam pemulihan ekonomi.

Pelantikan Abdullah, yang kini Menteri Luar, diumumkan semalam oleh Perdana Menteri selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO. Abdullah juga akan memegang portfolio Menteri Dalam Negeri.

Di Kota Kinabalu, Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok menyambut baik pelantikan Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Seorang pemimpin yang beramanah mempunyai semua ciri-ciri untuk menyandang jawatan nombor dua selepas memegang pelbagai jawatan penting dalam Kabinet.

Sebagai seorang daripada pemimpin yang dihormati, Abdullah sudah tentu mendapatkan kepercayaan daripada rakyat dan juga sokongan daripada Barisan Nasional (BN) Sabah, kata Dompok yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS).

Beliau juga menyambut baik pelantikan semula Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan sambil berkata Daim bukan orang baru di kementerian berkenaan kerana pernah menjadi Menteri Kewangan.

Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan (BBC) yakin pelantikan Abdullah akan membantu Perdana Menteri di dalam perjuangannya mencemerlangkan lagi bangsa dan negara Malaysia di zaman global.

Pengerusi BBC Ruhanie Ahmad berkata rombakan kabinet adalah satu usaha ke arah memulihkan ekonomi negara, melonjakkan martabat serta memantapkan keamanan serta keselamatan negara keseluruhannya.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan Abdullah seorang yang memenuhi kriteria sebagai pemimpin dan berharap beliau dapat membantu Kelantan terutama dalam mempercepatkan bantuan kewangan tahunan kerajaan pusat kepada kerajaan negeri.

Mengenai pelantikan Abdullah sebagai Menteri Dalam Negeri, Nik Aziz berkata beliau berharap aspek keagamaan seperti keadilan dan persaudaraan diambil kira dalam pemerintahan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

"Beliau (Abdullah) sebagai anak tok guru dan saya pun jenis tok guru ada mempunyai persamaan....dan kita berharap menjalankan pemerintahan secara keadilan," katanya.

Di KUCHING, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata Abdullah yang mempunyai latarbelakang agama yang kuat merupakan pilihan yang pihak.

"Abdullah merupakan seorang yang bersih, waras dengan pegangan agama yang teguh sekalipun beliau tidak menonjolkan diri sebagai tokoh agama terkemuka," katanya.

Di TELUK INTAN, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata pelantikan Abdullah adalah satu keputusan yang bijak, teliti dan saksama mengikut lunas perundangan.

"Rombakan kabinet juga dibuat dengan baik dan lancar tanpa seorompok yang digugurkan," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar berkata pengalaman Abdullah di peringkat antarabangsa akan dapat membantu negara mengendalikan isu-isu ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Menurutnya Abdullah juga merupakan seorang tokoh yang dapat bergandingan dengan mana-mana menteri untuk menangani masalah negara.

Di ALOR SETAR, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid berkata pengalaman Abdullah dalam kerajaan dan sebagai bekas Menteri Luar boleh membantunya menjalankan tugas sebagai Timbalan Perdana Menteri dengan lebih berkesan.

Sanusi juga berkata pelantikan semula Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan adalah tepat kerana beliau pernah membantu negara keluar dari cengkaman kegawatan ekonomi dahulu.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata latar belakang Abdullah sebagai seorang bekas birokrat yang pernah memegang jawatan tinggi sewaktu bertugas sebagai pegawai kerajaan dan pendidikan tinggi dalam bidang agama merupakan kriteria yang dikagumi.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Siva Subramaniam yakin pelantikan Abdullah akan membawa satu lembaran baru dalam sejarah Malaysia dan memberi keyakinan dan kepercayaan kepada semua pihak dalam dan luar Malaysia.

Di KANGAR, Setiausaha Barisan Nasional (BN) Perlis, Datuk Bahari Taib ketika menyatakan sokongannya berkata pelantikan Abdullah akan menguatkan kedudukan BN dan UMNO dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Presiden Majlis Belia Malaysia, Saifuddin Abdullah berkata pelantikan Abdullah tepat pada masanya kerana dalam kegawatan ekonomi kini, Perdana Menteri perlu dibantu oleh seorang timbalan.

Dalam pada itu, MCA Johor menyifatkan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri menamatkan pelbagai spekulasi kurang menyenangkan terhadap perkembangan politik negara.

Timbalan Pengerusi Perhubungan Negeri, Datuk Jimmy Low, yakin pelantikan itu dapat memperkukuhkan lagi perkembangan politik dalam negara sekaligus memberi keyakinan pelabur terhadap negara ini.

Jimmy Low, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri berkata masyarakat Cina di Johor menyambut baik pelantikan Abdullah.

"Kami yakin Malaysia akan bertambah makmur dengan gandingan Abdullah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menerajui tampuk pemerintahan negara," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hal Ehwah Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri, Halimah Sadique pula berkata pelantikan itu sebagai tepat kerana Abdullah merupakan seorang yang berpengalaman dalam parti dan disenangi semua orang.

Beliau berharap seluruh anggota masyarakat akan dapat memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada Abdullah demi untuk menstabilkan politik dan ekonomi negara.

Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Datuk Abdul Rahman Maidin berkata pelantikan Abdullah dan Daim akan berupaya memantapkan kepimpinan Dr Mahathir dalam usaha membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang dalam alaf akan datang.

Di KUALA TERENGGANU, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) menyifatkan pelantikan Daim akan memberi nafas baru kepada masa depan persatuan itu dan yakin beliau memainkan peranan dalam melaksanakan agenda pemulihan ekonomi negara berdasarkan rekod beliau.

Naib presiden Gerakan, Dr Goh Cheng Teik berkata pelantikan Abdullah bukanlah sesuatu yang diluar jangkaan rakyat memandangkan beliau merupakan seorang tokoh politik yang mempunyai perwatakan baik, kebolehan dan

pengalaman luas.  
-- BERNAMA  
AR FAZ